



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK RUZELY BIN ABDULLAH
JURUGAMBAR KELANTAN**

OLEH:

AMI AIDA BINTI OMAR	2014627494
NURNATALIA ATNEEN BINTI RUHAIMI	2014450026
SITI MAHERAN ASMIRA BT MOHD SHARI	2014214972

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UITM KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK RUZELY BIN ABDULLAH
JURUGAMBAR KELANTAN

OLEH:

AMI AIDA BINTI OMAR	2014627494
NURNATALIA ATNEEN BINTI RUHAIMI	2014450026
SITI MAHERAN ASMIRA BT MOHD SHARI	2014214972

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UITM KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.

Alhamdulillah, terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya kami akhirnya dapat menyiapkan Projek Sejarah lisan ini dengan jaya dan sempurna. Kami tidak dapat menafikan bahawa pelbagai kekangan yang terpaksa kami hadapi sebelum dan selepas temubual bersama tokoh namun dengan berkat kesabaran dan pertolonganNya kami dapat mengatasi masalah yang melanda dengan jayanya.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 604 Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan, Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan mencurahkan ilmu kepada kami semua untuk menyiapkan projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Ruzely Bin Abdullah, tokoh yang banyak memberi kerjasama dalam menjayakan sesi temubual dan juga tidak kedekut ilmu dalam mencurahkan tips-tips, pengalaman beliau dalam kerjayanya. Perkongsian itu sangat memberi makna kepada kami semua.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi tunjuk ajar sekiranya kami memerlukan bantuan mereka.

Sekian, terima kasih

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian 2: Sejarah pendidikan.....	5
Bahagian 3: Pencapaian.....	9
Bahagian 4: Pengalaman.....	14
Bahagian 5: Sumbangan.....	27
Bahagian 6: Pesanan dan harapan.....	32
Rujukan.....	40
Lampiran	
Log Wawancara.....	41
Diari Kajian.....	46
Senarai soalan.....	47
Surat Perjanjian.....	54
Gambar.....	55
Indeks.....	58

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah diantara kami dengan Encik Ruzely Bin Abdullah iaitu salah seorang ahli kelab jurugambar Kelantan, karyawan Lensa Negeri Kelantan dan memegang jawatan sebagai perhubungan awam, NGO dan kerajaan. Wawancara ini dijalankan di Secret Recipe Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Sesi wawancara ini telah dijalankan pada hari Isnin, 2 November 2015 pada pukul 12.00 tengah hari. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Encik Ruzely Bin Abdullah dan pengalaman beliau mula-mula berkecimpung dalam bidang jurugambar dan menjadi seorang jurugambar yang berjaya. Selain itu, tentang pengalaman beliau dalam membantu mangsa-mangsa banjir yang berlaku hujung tahun 2014. Ketika temuramah ini berlangsung, kami dapat mengetahui tentang tentang selok-belok pengalaman beliau ketika mula-mula berkecimpung dalam bidang jurugambar tersebut sehingga sekarang.

Kata kunci: Encik Ruzely Bin Abdullah, jurugambar, pengalaman.

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Mohd Ruzely Bin Abdullah

Asal : Pantai Cahaya Bulan, Kelantan

Bilangan adik-beradik : 3 adik beradik

Nama Ibu : Wan Bidah Binti Wan Yaacob

Nama Ayah : Abdullah Bin Ahmad

Status : Berkahwin

Nama Isteri : Puan Zuraini Mohd

Anak : 6 orang

Jawatan : Committee Kelab Jurugambar Kelantan, Karyawan Lensa
Negeri Kelantan. Perhubungan awam, NGO dan kerajaan.

Bidang : Jurugambar

No/Hp : 013-9202352

PENGENALAN

PENGENALAN

Tokoh yang dipilih untuk ditemuramah ialah Encik Ruzely Bin Abdullah. Encik Ruzely adalah salah seorang jurugambar yang sangat dikenali di Kelantan dan juga diperingkat kebangsaan. Beliau banyak memenangi anugerah sepanjang penglibatan beliau didalam bidang jurugambar ini. Baru-baru ini beliau telah memenangi anugerah di London untuk WPO (World Photogragphy Organization) didalam kategori National.

Selain itu, banyak pngalaman yang kami timba daripada beliau untuk menjadi sesorang yang berjaya didalam bidang yang diceburi membuatkan kami semakin bersemangat mengejar cita-cita. Beliau juga banyak memberi dorangan dan motivasi kepada anak-anak muda yang ingin menceburkan diri didalam bidang fotografi.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh **Ami Aida bt Omar, Siti Maheran Asmira bt Mohd Shari dan Nurnatalia Atneen bt Ruhaimi** bersama **Ruzely bin Abdullah** mengenai pengalaman beliau sebagai **Jurugambar Kelantan**. Temubual ini dijalankan di **Secret Recipe, Taman Bendahara** pada **2 November 2015**. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

RA: Ruzely Abdullah

AA: Ami Aida

Ma: Maheran Asamira

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

AA : Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Encik seperti nama panggilan, sejarah latar belakang keluarga Encik, tempat tinggal?

RA : Nama saya memang Ruzely Bin Abdullah. Saya dilahirkan dibesarkan di Pantai Cahaya Bulan (PCB). Sekarang umur saya dalam *empat puluh enam* [46] sudah nak masuk *empat puluh tujuh* [47] *dah* [sudah] tua. Biasa orang panggil saya Abe Lie-- Saya, adik beradik saya hanya *tiga* [3] orang saya orang yang *last* [terakhir] yang bongsu. Nama emak saya Wan Bidah Wan Yaacob dan nama ayah saya Abdullah Bin Ahmad. Saya anak ketiga daripada bilangan *tiga* [3] adik beradik dan sekarang ini saya masih menetap di P-C-B, menetap di Pantai Cahaya Bulan dan akan tetap tinggal di situ sebab saya *dah* [sudah] tidak ada tempat lain.

AA : **Bagaimana dengan keluarga encik, boleh encik ceritakan tentang keluarga encik sekarang, maksud kami isteri dan anak-anak encik?**

RA : Maksudnya *family* [keluarga] saya lah. Dalam bidang ini ke macam mana? Nama isteri saya Puan Zuraini Mohd berasal dari kampung yang berdekatan *je* [sahaja] kampung sebelah Kedai Buloh. Isteri saya suri rumah dan anak saya ada *enam* [6].

AA : **Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang anak-anak encik?**

RA : Yang sulung *tu* [itu] dekat U-i-T-M sem akhir, yang *kedua* [2] dekat U-i-T-M juga, nombor *tiga* [3] masih belajar baru habis P-T-3 tingkatan *tiga* [3] yang keempat baru darjah *lima* [5] yang kelima darjah *satu* [1] yang keenam tahun depan baru masuk darjah *satu* [1] itu yang paling kecil.

AA : **Apakah petua encik dalam mendidik anak-anak supaya menjadi orang yang berjaya?**

RA : Saya *tak* [tidak] ada petua yang khusus, saya tidak ada petua yang khusus cuma saya, saya tengok perkembangan diorang itu perkembangan diorang itu saya tengok dan saya tidak, saya lebih dengan anak anak ini saya lebih sifat sebagai kawan cuma kita pantau, dia masih jangan sampai dia tidak hormat dan dia masih hormat dan hubungan baik itu kita buat dia sebagai kawan jadi sama sama kalau ada kadang kadang saya keluar ambil gambar diorang ikut maksudnya

sama sama sebab saya tidak ada masa sangat masa untuk anak anak itu terhad jadi kadang saya *travel* [melancong] sampai *dua* [2] minggu kalau dan saya keluar seminggu jadi terhad jadi masa untuk saya ada *kat* [dekat] rumah saya guna macam *tu* [itu] saya ambil dia saya keluar saya guna sebaik mungkin.

AA : Seterusnya, berapakah umur anak sulung Encik?

RA : Dalam *dua puluh satu* [21].

AA : Adakah anak Encik mempunyai minat yang sama seperti Encik?

RA : Minat yang sama itu ada dalam seorang ada nampak, nampak sangat sangat sebab saya tidak memaksa saya tidak memaksa bila diorang tanya saya jawab bila diorang ada bertanya pasal berkaitan dengan *photography* [jurugambar] saya jawab, saya memberitahu saya tidak paksa sebab bagi saya kalau paksa benda ini tidak menjadi dan saya nak biar diorang timbul daripada minat dia sendiri.

AA : Selain mengambil gambar, apakah hobi dan aktiviti lain yang Encik minati?

RA : Saya *ni* [ini] kalau nak kira hobi itu memang banyak selain daripada bersukan *tu* [itu] ialah *photography* [jurugambar] ini salah satu hobi juga saya dan bersukan dan benda benda yang lain itu *at least* [sekurang kurangnya] sebagai sampingan

tapi yang paling minat ialah *photography* [jurugambar].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

AA : Mengenai sejarah pendidikan encik, bolehkah encik ceritakan serba sedikit mengenainya, seperti dimana encik bersekolah dan nama sekolah yang pernah encik menuntut?

RA : Mengenai pendidikan saya bermula di sekolah rendah sekolah dekat kampung Sekolah Kebangsaan Semut Api, saya mula di sekolah menengah di Sekolah Menengah Kedai Buluh sampai *form three* [tingkatan tiga] selepas itu saya sambung dekat sekolah vokasional saya belajar di vokasional dalam bidang Kejuruteraan Automotif Vokasional Pengkalan Chepa sampai *form five* [tingkatan 5] dan saya berhenti sehingga tingkatan *lima* [5].

AA : Adakah encik aktif dalam melibatkan diri semasa sekolah?

RA : Masa di sekolah saya memang-- saya pemain bola sepak sebenarnya dekat sekolah sampai ke peringkat daerah apa semuanya jadi sukan ialah yang menjadikan aktiviti saya di sekolah itu dan persatuan persatuan itu biasa la kan sekolah kan.

AA : Bolehkah encik kongsi serba sedikit tentang keadaan pendidikan semasa encik bersekolah?

RA : Dia pendidikan di zaman saya itu tidak sama dengan pendidikan sekarang. Zaman dulu, zaman saya sekolah ini tidak sampai pukul *lima* [5] tapi sekarang

sampai pukul *lima* [5] petang baru habis, saya sekolah dulu dia sebab aktiviti petang itu biasanya aktiviti KO je [sahaja] yang ada tapi sebab zaman dan masa *dah* [sudah] berubah jadi tidak sama, jadi saya *tengok* [lihat] budak budak sekolah sekarang ini masa bnyak-- macam saya *tengok* [lihat] sendiri *dah* [sudah] *tension* [ketegangan] *dah* [sudah] *pressure* [tekanan] maksudnya saya tengok anak anak saya balik sekolah *dah* [sudah] pukul *dua* [2] lepas itu kadang ada balik sampai pukul *lima* [5] jadi kita nak [hendak] hantar diorang mengaji Quran pun jadi kita dah nampak dia sudah *jeng* [letih] *tak* [tidak] boleh saya pun susah juga macam itu maknanya tidak ada masa kan.

AA : Baiklah, soalan seterusnya, apakah pengalaman yang paling encik tidak dapat lupakan semasa di alam persekolahan? Boleh encik ceritakan.

RA : Saya tidak banyak pengalaman masa sekolah *ni* [ini] masa sekolah ini pengalaman pengalaman kecil *je* [sahaja] lah macam saya sekolah dengan basikal, basikal pancit ke-- cuma itu *je* [sahaja] la. Cuma yang paling tidak saya lupa semasa saya wakil sekolah untuk bola sepak saya bergaduh dekat padang itu, keesokkannya guru besar letak saya dekat perhimpunan *satu* [1] sekolah tengok saya guru besar itu dia marah saya cukup cukup dekat situ memalukan apa semua. Itulah pengalaman.

AA : Bagaimana pula dengan mata pelajaran yang encik minati semasa di sekolah, maksud kami Encik dalam aliran apa dan matapelajaran yang paling encik minati?

RA : Saya bagitahu untuk yang *last* [akhir] -- semasa saya dekat vokasional dekat situ dia pendidikan yang macam kursus. Saya paling minat kursus saya iaitu motor mekanik itu subjek yang saya minat tapi bahasa melayu yang paling saya gemar sekali.

AA : Selepas SPM, adakah encik melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya?

RA : Saya tidak ada melanjutkan pelajaran seterusnya sebab masa itu dipanggil sistem pendidikan masa itu, tahun saya tahun akhir untuk Vokasional S-P-V-M sebelum ditukar kepada S-P-M-V jadi tahun saya itu tahun yang terakhir S-P-M-V jadi bila saya dekat situ dia macam ini kalau kita *nak* [hendak] pergi kepada S-P-M-V ia sudah ada *dua* [2] pilihan daripada *form four* [tingkatan empat] kita sudah kena pecah pergi ke S-P-M-V selepas itu masuk *form five* [tingkatan lima] sama ada kita hendak pergi L-L-P-P-K-K semasa itu jadi bukan la saya *ni* [ini] mangsa keadaan sistem pembelajaran di Malaysia tidak oleh kerana masa itu subjek yang diletakkan salah *satu* [1] subjek pilihan kena *credit* [lulus] jadi saya *failed* [gagal] Sains dan Matematik sebab memang subjek yang paling saya tidak gemar sekali kalau saya dapat *credit* [lulus] masa itu *at least* [sekurang-kurangnya] dapat *enam* [6] ke memang saya dapat *satu* [1] S-P-M-V tapi benda itu *failed* [gagal] saya terus *out* [habis] semua walaupun yang lain saya *credit* [lulus] semua matapelajaran wajib zaman itu adalah pengalaman pelajaran masa

itu tapi sekarang vokasional *dah* [sudah] menjadi kolej apa semuanya.

AA : Apakah pekerjaan awal Encik setelah tamat pengajian?

RA : Selepas tamat pengajian sebab saya belajar kursus benda itu kan saya terus pergi kepada bidang yang saya belajar saya jadi mekanik kenderaan selama lebih kurang *dua* [2] tahun selepas itu kebetulan negara kita semasa itu ekonomi krisis ekonomi semua saya berhijrah ke Johor Bharu saya bekerja di Johor Bharu selepas itu saya balik lepas sekolah saya terus, mungkin disitu lah saya aktiviti seni bermula saya pelukis batik sebab di kampung saya semua pembuat batik jadi saya boleh melukis bermula disitu lah maknanya seni itu bermula disitu.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN

AA : Berapa kalikah Encik mendapat anugerah sepanjang penglibatan Encik dalam bidang jurugambar sehingga kini?

RA : Anugerah ini, yang saya dapat anugerah ini kalau kira pada tahun *dua ribu lima belas* [2015] saya dapat National Award World Photographer Organization W-P-O. Pada tahun *dua ribu empat belas* [2014] saya dapat *second place* [tempat kedua] *photography* [fotografi] sempena Hari Hemerdekaan yang *ketiga* [3] saya dapat saya banyak *contest* [pertandingan] yang tempatan ini saya jarang masuk sebab saya lebih suka masuk *contest* [pertandingan] yang *international* [antarabangsa] sebab ia tidak susah ia masuk *submit* [hantar] dalam website [laman web] ape semua tu [itu] kan. Pada tahun *dua ribu empat belas* [2014] saya dapat *top ten* [sepuluh ke atas] finalis *C-I-W-E-N Photographer* [jurugambar] *environment* [persekitaran] *photographer* [jurugambar] *international* [antarabangsa] dan gambar untuk orang yang *short list* [senarai pendek] gambar itu akan di *publish* [terbitkan] di Royal Foresly London selepas itu kalau ikut dalam *website* [laman web] *internet* [laman sesawang] *ni* [ini] banyak *page* [halaman] yang mengenai *photography* [jurugambar] dan pada tahun *dua ribu tiga belas* [2013] sepanjang setahun saya *follow* [ikuti] ia punya *page* [halaman] saya dapat nombor *enam* [6] dalam dunia People and Potret kategori dan pada tahun ini juga saya dapat Photographer Kelantan Of The Year dan yang paling terbaru saya dapat sagu hati sahaja *photo* [gambar] Kemerdekaan dan saya masih menunggu *result* [keputusan] *tiga* [3] lagi *competition* [pertandingan].

AA : Sehingga setakat ini, apakah pencapaian tertinggi Encik pernah terima?

RA : Pencapaian tertinggi buat masa ini di W-P-O World Phototapher Organization saya dapat anugerah *National Award* [anugerah kebangsaan] untuk Malaysia ia W-P-O ini ia adalah untuk jurugambar seluruh dunia jadi semasa saya pergi ke London semua jurugambar juru gambar seluruh dunia berkumpul di situ ini adalah *satu* [1] yang paling besar *la* [lah] ia ada lagi satu yang paling besar di Dubai Hippa tapi ini adalah di seluruh dunia rangkaian seluruh dunia semua *photographer* [jurugambar] akan berkumpul di London semasa itu dan untuk *satu* [1] penganugerahan pengiktirafan untuk jurugambar jurugambar amatur dan *professional* [professional] dari seluruh dunia dekat situ jadi W-P-O ini adalah *satu* [1] badan yang diiktiraf dan diwakili sebanyak *lima puluh empat* [54] negara jadi anugerah *National Award* [anugerah kebangsaan] adalah *lima puluh empat* [54] negara ada dan saya mewakili Malaysia semasa itu.

AA : Siapakah yang memberi anugerah tersebut?

RA : Di W-P-O yang bagi anugerah itu adalah Ketua Eksekutif SONY Asia Pacific sebab SONY yang menajakan W-P-O itu SONY Asia Pacific Takashi Yashuda seingat saya.

AA : **Bagaimana Encik boleh mendapat anugerah tersebut?**

RA : Dia, *W-P-O* [World Photographer Organization] ni [ini] dia *bukak* [buka] di *website* [di laman web] dia, *W-P-O* [World Photographer Organization], kita hanya daftar sebagai *member* [ahli] dan kita boleh hantar hanya *tiga* [3] keping gambar. Kategorinya terbuka dan kita pilihlah gambar kita yang terbaik untuk hantar, jadi disitu dia *jugde* [menghakimkan] selama, dia *bukak entry* [kemasukan] *tu* [itu] selama setahun. Dalam masa setahun kita boleh hantar *tiga* [3] keping sahaja kecuali kita bayar *member* [ahli] itu kita akan dapat *lapan* [8] keeping gambar untuk kita *submit* [mengemukakan] tapi saya hanya *free* [percuma] *member* [ahli], saya hanya *submit* [mengemukakan] *tiga* [3] keping dan secara jujumnya saya cakap saya *submit* [mengemukakan] dulu saya tidak mengharapkan saya menang. Saya hanya *just* [hanya] untuk suka-suka saya hantar, saya masuk *nak* [mahu] tengok macam mana *respond* [balas] dan saya bagitahu saya *tak* [tidak] tahu pun yang saya menang--. Seheinggakan saya dapat panggilan daripada London terus *bab* [sebab] *tiga* [3] hari lagi tarikh tutup untuk saya *confirm* [mengesahkan] kerana saya *email* [emel] saya ada *problem* [masalah] *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] buka. Dia *contact* [hubungi] *personal* [peribadi].

AA : **Bagaimanakah perasaan Encik apabila memenangi anugerah tersebut?**

RA : Perasaan *tu* [itu] tentulah gembirakan, tentulah gembira dan sebab kita daripada

amateur [amatur] jadi kita rasa dihargailah, kita rasa dihargai dan saya merasakan dah karya saya *dah* [sudah] boleh diterima peringkat antarabangsa, perasaan *tu* [itu] saya kongsikan dengan *family* [keluarga] lah dan kawan-kawan semua, bohonglah kalau saya *tak* [tidak] gembira kan, memang saya gembira dan saya *excited* [teruja] untuk ke London.

AA : Apakah bentuk anugerah yang Encik terima. Samada berbentuk wang tunai atau trofi?

RA : Di *W-P-O* [World Photographer Organization], saya dapat seperti yang dijanjikan, penganjur untuk pemenang adalah tiket penerbangan ke London mengikuti malam anugerah *tu* [itu] *la* [lah] *Gala Night* [Malam Gala] *tu* [itu] dan saya dapat *jugak* [juga] *package* [pakej] *tour* [pelancongan] di London selama *lapan* [8] hari . semua ditanggung dan saya mendapat *satu* [1] set kamera Sony yang bernilai *tiga belas ribu* [13,000.00]

AA : Adakah Encik mempunyai rakan perniagaan yang lain untuk menjayakan sesuatu projek?

RA : Saya ada untuk projek *photography* [fotografi] saya dan saya ada *partner* [pasangan] yang saya buat *travel* [perjalanan] *photography* [fotografi] dan saya, jadual saya memang dalam setahun saya kena keluar *tiga* [3] kali. Jadi *partner* [pasangan] saya akan uruskan dan saya sendiri akan uruskan *bawak* [bawa] *photographer* [jurugambar] ke tempat yang kita *nak* [mahu] pergi lah.

- AA : Dalam tempoh berapa lama Encik berjaya menyiapkan sesuatu projek bagi pelanggan Encik? (proses edit gambar)
- RA : Jika ada tugas kita kena bagi *timeframe* [tempoh masa] untuk *customer* [pelanggan]. Biasanya kita bagi *timeframe* [tempoh masa] sebulan atau *dua* [2] bulan untuk kita siapkan. Tapi dalam masa sebulan kita *dah* [sudah] dapat siapkan semua *tu* [itu]. Cuma kita bagi tempoh yang lama untuk kita buat semakkan, apa sebab benda-benda *ni* [ini] dia kena *detailkan* [terperinci]. Tapi bergantung pada projek *la* [lah], kalau projek *nak* [mahu] cepat kita boleh siapkan cepat.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN

MA : Bilakah Encik mula berjinak dalam bidang fotografi ini?

RA : Saya mula *start* [bermula] dalam bidang *photography* [fotografi] ini secara *serious* [bersungguh-sungguh] bermula tahun *dua ribu sepuluh* [2010], bermula *dua ribu sepuluh* [2010]. Saya mula *start* [bermula] setelah saya beli kamera apa semua saya *start* [bermula]. Jadi masa *tu* [itu] saya terus, sebab saya banyak masa *free* [lapang] masa *tu* [itu]. Saya terus dan saya masuk *workshop* [bengkel]. Saya belajar melalui YouTube mula-mula, YouTube. Lepas *tu* [itu] saya masuk *workshop* [bengkel] apa semua *tu* [itu] dan saya seorang yang *tak* [tidak] pandai komputer masa *tu* [itu]. Saya memang *tak* [tidak] *reti* [pandai] lah komputer tapi sebab komputer saya beli sendiri, saya rasa rosak pun *takpe* [tidak mengapa] sebab komputer saya. Saya buat *jugak* [juga] hingga saya boleh dapat menguasai komputer, saya belajar sendiri di samping saya bertanya *la* [lah] kan, dalam bidang *photography* [fotografi] *ni* [ini] saya masuk *workshop* [bengkel] apa semuanya, macam mana dan kita bergaul sesama hobi. Daripada situ saya dapat pengalaman, saya tahukan, dapat timbul sedikit ilmu sebab pengalaman *tu* [itu] penting, pengalaman kita bercampur dengan orang yang lebih tahu dan kita kongsi ilmu yang *tu* [itu] yang lebih penting.

MA : Bagaimanakah, timbulnya minat Encik dalam melibatkan diri dalam bidang ini?

RA : Seperti yang saya cakap tadi, bermulanya seni *tu* [itu] setelah saya bekerja sebagai pelukis, walaupun pelukis batik. Pelukis batik *ni* [ini] kalau di Kelantan

adalah *satu* [1] yang *tak* [tidak] begitu besar nampak. Sebab dia pekerjaan yang rutin. Tetapi bagi orang luar pelukis batik *ni* [ini] sesuatu benda yang dia kagum sebab hasil seni *tu* [itu]. Dari bermulanya daripada situ sebab bagi saya semua orang ada seni cuma dia *tak* [tidak] asah ataupun dia *tak* [tidak] buat. Walaupun kecil sedikit, dia ada seni pada seseorang *tu* [itu]. Bila saya menceburi bidang *photography* [fotografi], saya melihat subjek *tu* [itu] saya rasa saya boleh buat. Jadi lama kelamaan benda *tu* [itu] dia datang dengan sendiri sebab bagi saya, walaupun orang ada duit, orang boleh beli peralatan yang canggih semua dia boleh buat tapi kalau dia tidak ada seni dia *tak* [tidak] jadi sebab benda *tu* [itu] dalam diri kita sendiri. Sama jugak kalau dia orang ada duit, dia orang boleh adakan *gadget-gadget* [alat-alat] yang mahal, *equipment* [peralatan] yang bagus tetapi dia tidak mempunyai masa. *Gadget* [alat] *tu* [itu] hanya dalam *drive box* [kotak memandu] *je* [saja] dia *tak* [tidak] buat, *tak* [tidak] guna.

MA : Berapakah modal yang encik perlukan di awal penglibatan encik dalam bidang ini? Adakah kamera itu masih berfungsi?

RA : Saya beli kamera saya pertama harga dia dalam *tiga ribu ringgit* [RM3000] kamera *tu* [itu] masih lagi berfungsi dan saya guna. Sebab itu adalah sentimental *value* [nilai] saya *tu* [itu] dan saya *takkan* [tidak akan] jual kamera *tu* [itu].

MA : Adakah Encik pernah mendapat bantuan daripada agensi-agensi luar?

RA : *Takde* [tidak ada], saya *tak* [tidak] pernah *mintak* [minta].

MA : Apakah masalah yang Encik yang hadapi ketika di awal penglibatan Encik dalam bidang ini?

RA : Di awal penglibatan *tu* [itu] memang, memang ada masalah lah, memang ada masalah, dari segi, pertamanya dari segi kewangan dan lepas *tu* [itu] dari segi masa untuk kita sebab kita baru, kita *nak* [hendak] , *nak* [hendak] masa, *nak* [hendak] bahagi masa itu memang susah sikit dan kita masa *tu* [itu] kita *nak* [mahu] kepada kursus ataupun *workshop*-- [bengkel] di Kelantan. Kita susah untuk dapatkan *workshop* [bengkel]. Workshop banyakan di K-L, Kuala Lumpur semua. Saya pernah masuk workshop. Saya baru *tiga* [3] bulan saya main kamera saya masuk *workshop* [bengkel] yang *level* [tahap] yang paling tinggi saya masuk. Saya pergi hanya semata-mata *nak* [mahu] jumpa orang, saya *nak* [mahu] tengok orang. Saya *tak* [tidak] buat apa pun, itulah pengalaman dan bila balik saya terus saya buat dan saya buat latihan lah, buat latihan. Lepas *tu* [itu] keluar outing dengan orang-orang yang lamakan semua. Maknanya kita *tak* [tidak], kita jangan malu lah, satu lagi kita jangan malu *nak* [mahu] bertanya. Kita kena rajin *la* [lah].

MA : **Bagaimanakah, Encik menangani masalah ini?**

RA : Sebab saya *dah* [sudah] berkeluarga, jadi saya kena bahagikan kewangan *tu* [itu] antara hobi dengan keluarga jadi saya lebih utamakan keluarga *dulu* [dahulu]. Jadi kalau yang tidak berapa penting, dalam bidang *ni* [ini]. Saya stop dulu *la* [lah]. Contoh kalau saya *nak* [hendak] tambah *equipment* [peralatan] ke apa *tu* [itu], saya *tak* [tidak] perlu lagi. Saya buat apa saya ada dulu.

MA : **Siapakah sumber inspirasi Encik sepanjang bergelar seorang jurugambar yang berjaya?**

RA : Mula-mula saya berjinak dengan *photography* [fotografi], saya banyak buat, saya melihat di *website-website* [laman web]. Jadi berkebetulan saya ada terjumpa gambar yang, dia macam magnet *tau* [tahu], saya dapat gambar *tu* [itu] cantik dan terus melekat. Saya kata macam mana *nak* [mahu] buat gambar macam *nih* [ini], saya terus masuk *websites* [laman web] dia apa semua, masuk *websites* [laman web] dia. Saya tengok gambar dia memang cantik. saya rasa, saya berazam satu hari aku akan dapat *jugak* [juga] gambar, aku boleh buat macam *tu* [itu] kan. Yang *tu* [itu] saya cakap, bila dia datang Kuala Lumpur untuk buat workshop untuk *level* [tahap] yang paling tinggi, saya terus masuk walaupun yuran dia *lapan ratus* [800], saya masuk dan mungkin tuhan *nak* [mahu] bagi dekat saya lah. Semasa saya pergi kursus, *organizer* [penganjur] *tu* [itu], sebab saya datang lewat, saya *sorang* [seorang] orang luar, dia bagi saya duduk *satu* [1] bilik dengan dia. Jadi itulah saya ambik kesempatan saya cerita--, saya ambil, dia ajar saya. Lepas *tu* [itu] saya sekarang *dah* [sudah] jadi kawan

dengan dia *tu* [itu], Indra Prataka dari Indonesia.

MA : Selain itu juga, siapakah idola yang paling Encik kagumi dalam menjayakan bidang fotografi ini?

RA : Dia kalau dekat Malaysia *ni* [ini] memang ikut genre saya sekarang *ni* [ini] yang *tu* [itu] Yaman Ibrahim dan banyak lagi *la* [lah] tapi yang paling saya minat karya dia Yaman Ibrahim. Dia juga adalah kawan kepada saya dan dia juga adalah guru kepada saya sekarang dan kalau *international* [kebangsaan] itu kita *tak* [tidak] kurang, Steve McCurry, Jimmy Nelson apa semua *tu* [itu]. Memang orang-orang *ni* [ini] yang *dah* [sudah] *world* [dunia], *professional* [professional] *famous* [terkenal].

MA : Bolehkah encik ceritakan serba sedikit mengenai sejarah sebagai jurugambar dan apakah jenis konsep gambar yang selalu menjadi kegemaran encik?

RA : Saya sebenarnya saya seorang *portraiture* [potret] atau *human interest* [kepentingan manusia]. Pengalaman-- saya *ni* [ini] saya sudah lalui sepanjang saya rasa *dah* [sudah] *lima* [5] tahun *dah* [sudah] nak masuk *enam* [6] tahun. Saya pernah bertugas untuk tugas. Saya pernah ambik gambar di Istana Bukit Chandang, masa *tu* [itu] keputraan, ada satu majlis diraja, Raja Nazrin. Saya pernah jadi *official* [rasmi]. Saya pernah jadi *official* [rasmi] semasa Tuanku Mizan jadi agung. Saya pernah jadi *official* [rasmi] di Terengganu masa *tu* [itu]

dan saya pernah jadi *official* [rasmi] untuk hari keluarga arwah Tok Guru dan gambar Tok Guru memang saya ada banyak, sebab saya macam kalau *family* [keluarga] saya kena pergi ambil dan saya *jugak* [juga] pernah jadi *official* [rasmi] untuk *event-event* [acara] yang menteri--. Tak semua jurugambar dapat peluang macam itu.

MA : Adakah Encik menyediakan kursus jurugambar kepada yang berminat dan berapakah harga bagi satu kursus yang dibuat?

RA : Saya pernah buat dan, dulu saya pernah buat tapi sekarang bila orang minta saya buat. Saya bukan *nak* [mahu] *demand* [permintaan] saya cakap saya takda [tidak ada] masa sebenarnya sebab saya fikir-fikir kebanyakan, kalau saya *nak* [mahu] duit, saya boleh buat, kalau saya *nak* [mahu] duit saya boleh buat tapi saya pun pelik saya. Saya *nak* [mahu] bila saya buat kursus saya *nak* [mahu] betul-betul yang berkualiti sebab bila kita ajar dia orang, kita *ambik* [ambil] duit dia orang tapi dia orang balik *tak* [tidak] dapat apa-apa, saya rasa macam rasa bersalah saya *amik* [ambil] duit dia. Saya *tengok* [lihat] budak-budak sekarang dia *nak* [mahu] cepat, dia *nak* [mahu] *shortcut* [jalan pintas]--. Dia pentingkan *editing* [menyunting] daripada mengambil gambar sebab konsep saya mengambil gambar dengan cara yang betul barulah *editing* [menyunting] *tak* [tidak] banyak, “shoot more edit less” kan. Tapi sekarang bila saya buat workshop [bengkel], banyak *dah* [sudah] saya buat *workshop* [bengkel] macam peserta macam *confused* [keliru]. Macam dia cakap saya *ni* [ini] *taknak* [tidak mahu] bagi ilmu yang betul, *taknak* [tidak mahu] bagi habiskan ilmu. Saya cakap saya *takda*

[tidak ada] *dah* [sudah] ilmu, saya semua saya *dah* [sudah] habiskan. Sebab dia nampak gambar saya *tu* [itu], dia *tengok* [lihat] gambar yang *final* [akhir], *dah result yang dah* [sudah]. Bila saya buat saya buat *editing* [menyunting] *simple* [mudah], jadi dia *nakkan* [mahukan] *editing* [menyunting] yang *extreme* [melampau] kan, sebab saya punya konsep pun sudah, *edit* [sunting] boleh jangan sampai kamu *tak* [tidak] boleh berhenti, faham tidak maksud *tu* [itu]. Dia *edit* [sunting] gambar boleh, dia *edit* [sunting]. *Last* [akhir] sekali dia banyak sangat, dia *tak* [tidak] tahu dia *nak* [mahu] *stop* [berhenti] *kat* [dekat] mana. Jadi gambar *tu* [itu] rosak. Sebab *edit* [sunting] *ni* [ini] dia kena dalam, kita kena ada *feel* [perasaan]. Jadi masa kita *amik* [ambil], kita *dah* [sudah] ada *feel* [perasaan]. *Edit* [sunting] *feel* [perasaan] sikit *je* [sahaja]. *Touch up* [cantikkan] sikit. Jadi lepas *tu* [itu] saya rasa, saya cakap, “aku *dah tak* [tidak] *nak* [mahu] buat lagi *dah* [sudah] *workshop* [bengkel]” sebab dia orang *ni* [ini] semua macam *tak* [tidak] puas hati. Kalau personal *tu* [itu] saya macam *dua* [2] orang boleh *tak* [tidak]. Saya *terang* [bagitahu] dulu. Tapi saya banyak ajar di luar lah, di lapangan saya terus *concentrate* [menumpukan perhatian] *tu* [itu] ambil betul.

MA : Apakah strategi yang encik lakukan bagi mendapat hasil gambar yang menarik?

RA : Satu-satu gambar saya *nak* [mahu] *ambik* [ambil] saya biasanya saya buat *study* [kajian] dulu. Kadang sesuatu tempat *tu* [itu] saya ulang *dua* [2] *tiga* [3] *empat* [4] kali saya pergi. Maksudnya saya pergi *belah* [sebelah] pagi, saya pergi *belah* [sebelah] petang, pagi *besoknya* [esoknya]. Maksudnya kita kena ada *research* [penyelidikan], lain lah tempat *tu* [itu] macam tempat yang biasa kita pergi,

maksudnya ada sesuatu gambar saya mengambil masa setahun untuk baru saya snap. Maknanya walaupun tempat *tu* [itu] hari-hari saya lalu, hari-hari saya lalu tempat *tu* [itu]. Tapi saya *nak* [mahu] tengok dia punya matahari pukul sekian dia duduk dekat mana, pukul sekian dia turun tu *light* [cahaya] dia dekat mana. Kadang *satu* [1] benda *tu* [tu] saya cerewetkan, ada *satu* [1] benda kadang-kadang benda *tu* [itu] secara *tak* [tidak] langsung dia *dah* [sudah] ada masa *tu* [itu], masa kita pergi itu nasib baiklah. Maknanya bukan mudah untuk *nak* [hendak] mengambil gambar *tu* [itu], sebab itu saya pentingkan masa kita mengambil *tu* [itu] saya, kita pentingkan disitu. Bukan terus pergi *ambik* [ambil], terus pergi ambikkan. Sebab benda tu jadi masalah. Ada setengah orang dia punya prinsip, janji ada gambar lepas tu kita *edit* [sunting] lah. Saya bukan macam tu. Saya pergi, kalau hari itu , saya pergi saya tengok *tak* [tidak] boleh, saya *tak* [tidak] buat ataupun saya tunggu *satu* [1] jam lagi ke, kita tengok macam mana, kalaulah saya rasa betul-betul *tak* [tidak] boleh, pagi *besoknya* [esoknya] saya ulang lagi, semangat *tu* [itu] kena ada , pentingnya semangat, jangan putus asa.

MA : Selain itu, apakah teknik-teknik yang diperlukan untuk memastikan gambar yang diambil itu menarik dan mempunyai nilai?

RA : Teknik *ni* [ini] susah sikit, teknik *ni* [ini] dia orang masing-masing ada teknik masing-masing kan. Saya banyak menggunakan *available* [ada] *light* [cahaya] maknanya cahaya semula jadikan, saya gunakan banyak cahaya semula jadi. Jadi teknik itu kita dengan bantuan-bantuan tu adalah macam peralatan-peralatan untuk menambah, memudahkan kerja kita *je* [saja]. Ada yang guna

pakai lampu, itu semua tekniknya tapi bergantung pada gambar yang kita *nak* [mahu] buat. Kalau kita *nak* buat untuk *natural* [semula jadi] , kita pakai *available* [ada] *light* [cahaya] *je* [saja], kalau gambar itu *nak* nampak *dramatic* [dramatik] sikit, kita pakai lampu sikit dan kita menggunakan props, contoh gambar-gambar yang, kita letak apa-apa yang ada untuk-- kita *nak* [mahu] *match* [perlawanan] dengan gambar tu, *story* [cerita] gambar *tu* [itu] apa kita letak props la.

MA : Boleh kami tahu, apakah genre utama yang Encik fokus dalam mengambil sesuatu gambar?

RA : Genre seperti saya kata tadi, saya genre *portrait* [potret] dan saya *human interest* [kepentingan manusia] tetapi buat masa sekarang saya lebih, walaupun saya seorang *travel* [perjalanan] *photography* [fotografi] tapi khususnya di tempat *ni* [ini], Kelantan. Saya lebih tumpu kepada warisan sebenarnya dan saya sekarang tengah mengumpul gambar-gambar yang berkaitan dengan warisan dan kebudayaan negeri Kelantan. Saya akan kumpul untuk saya, suatu hari saya akan buat buku mengenai Kelantan dan sebab saya rasa benda *tu* [itu] mungkin *lima* [5] tahun *sepuluh* [10] tahun lagi generasi akan datang *tu tak* [tidak] tahu. Contoh sekarang, saya ada banyak stok yang pakcik buat wau dekat sana, saya banyak, stok dia memang banyak, saya kumpul dulu dan sekarang macam kita beruntunglah dekat Kelantan *ni* [ini] banyak benda *tu* [itu] macam muzik-muzik tradisional, wayang kulit, apa semua. Saya *concentrate* [menumpukan perhatian] benda *tu* [itu]. Sebab benda *tu* [itu], kita *tak* [tidak] tahu bila dia akan hilang, jadi kita dokumenkan dulu, kita *amik* [ambil] dulu. Contoh main Rebab dan

sekarang saya ada beberapa *assignment* [tugasan] yang akan saya buat dan saya sudah dapat. Contoh saya bagitau, sebenarnya saya *tak* [tidak], sebenarnya rahsia tapi *takpalah* [tidak mengapalah]. Saya sudah baru dapat, saya *dah* [sudah] lama cari tapi saya baru dapat. Orang buat atap nipah, pernah *tak* [tidak]. Jahit atap nipah saya baru dapat. Dalam masa terdekat saya akan buatlah sebab sekarang ni, sebab saya nak orang tua yang buat, baru ada nilai.

MA : Soalan seterusnya, berapakah keuntungan yang Encik peroleh ketika mula-mula bergiat aktif di dalam bidang jurugambar ini?

RA : Semasa itu saya tidak kira untung sebab mula-mula kita *tak* [tidak] *expect* [mengharap] pada untung sebab kita masa itu kita hendak belajarkan jadi kita *tak* [tidak] kira untung yang adanya habis maknanya kita dah *invest* [melabur] dulu baru kita kira untung jadi untung kita dapat pulangan itu saya rasa dalam *dua* [2] *tiga* [3] tahun la lepas itu baru kita dapat tahu keuntungan itu tapi bagi saya lah selama *lima* [5] tahun sekali saya menang *international* [antarabangsa] itu sudah pulang modal dah berbaloi.

MA : Apakah pengalaman manis yang Encik tidak dapat dilupakan sepanjang menjadi jurugambar yang professional?

RA : Kalau setakat ini pengalaman manis itu memang banyak lah kan jumpa-- orang macam saya tadi saya macam saya dah ambil gambar ini tokoh-tokoh pun dah ramai kan maknanya pengalaman dan pahit manis masa *tu* [itu] memang ada lah tapi yang paling manis sekali bila saya dapat anugerah itu lah bila boleh pergi ke

London semua. Saya tidak mimpi pun *nak* [mahu] pergi ke London kan bagi saya seorang *photographer* [jurugambar] apa yang ada dekat London kan saya lebih suka pergi ke negara-negara yang tidak berapa moden kan sebab itu lah saya dah *empat* [4] kali pergi India. Bagi saya India *tu* [itu] semua ada.

MA : Tempat manakah yang paling jauh Encik pernah pergi?

RA : Saya rasa setakat ini pergi London jauh sekali yang lain tu setakat *fly* [terbang] dalam *lima* [5] jam *enam* [6] jam itu biasalah yang saya dah pergi Sri Lanka semua itu sekejap *je* [sahaja] dekat *je* [sahaja].

MA : Adakah Encik pergi dengan tajaan atau perbelanjaan sendiri?

RA : Ada yang saya belanja sendiri ada yang tajaan. Maksudnya kalau saya *travel* [melancong] untuk saya buat gambar, saya belanja sendiri. Kalau tajaan *ni* [ini] biasanya saya pergi untuk buat kerjalah, biasa ditaja.

MA : Adakah Encik pergi secara berkumpulan atau solo?

RA : Biasanya secara berkumpulan dan insyaAllahlah suatu hari saya akan buat solo.

MA : Soalan seterusnya, siapakah yang mengawal akaun Facebook dan website Encik?

RA : Saya sendiri sebab sekarang senang ada telefon, dihujung jari.

MA : Apakah jenis-jenis kamera dan kanta (lens) yang selalu digunakan ketika mengambil gambar?

RA : Saya pakai kamera Canon, *lens* [kanta] pun samalah. Saya tidak pakai *lens* [kanta] yang *tu* [itu], saya pakai kamera pun Canon jugak. Saya ada *lima* [5] saya dah jual *satu* [1], ada *empat* [4]. Kamera ada *empat* [4], canon. *Satu* [1] saya ada Sony sekarang sebab yang mendapat hadiah.

MA : Di samping itu, barang apakah yang perlu dibawa (wajib) dan digunakan semasa proses penggambaran berlangsung?

RA : Yang wajib, saya bila *travel* [melancong] ini satu masalah kita kena bawa benda yang beratkan sebab *travel* [melancong] ini kita jauh kita berjalan kita tak boleh naik kereta ke sesuatu tempat kita kena jalan kaki jadi kita kena rancang jadi kita *travel* [melancong] kita bawa *lens* [kanta] yang penting untuk kita guna dan kamera itu wajib *lens* [kanta] *tu* [itu] penting kita bawak yang kita nak guna saja. Kita jangan bawa semua yang ada dekat rumah, kita bawa dalam saya biasa *travel* [melancong] paling banyak pun saya bawa *tiga* [3] saja *lens* [kanta] kalau tak saya bawa *dua* [2] kalau tak *satu* [1] saja saya bawa, senang nak bergerak.

MA : Siapakah pesaing terdekat Encik dalam bidang ini?

RA : Saya rasa pesaing saya adalah semua *photographer* [jurugambar]. Kita jangan--terlampau-- kepada seorang. Kita anggap semua *photographer* [jurugambar] itu

adalah pesaing bagi kita dan itu adalah sebagai motivasi untuk diri saya sendiri. Kalau kita rasa kita *dah* [sudah] hebat orang lain mengejar kita dari belakang kita sudah lali kita sudah rasa kita hebat kita *takde* [tiada] apa-apa pun. Orang lain berusaha, kalau orang lain berusaha untuk nak *challenge* [cabar] kita makna ketinggal lah kitakan tapi kita *maintain* [kekalkan] dan bagi sayalah bagi saya *photographer* [jurugambar] ini dia walaupun kita bersaing kita bersaing dalam tapi dia bidang masing-masing. Ada orang dia *photographer* [jurugambar] untuk *wedding* [perkahwinan] kan, kita tak perlu nak kejar dia sebab kita bukan *photographer* [jurugambar] *wedding* [perkahwinan]. Dia dengan hasil dia dan kita *respect* [hormat], masing-masing *respect* [hormat]. Orang lain *landscape* [pemandangan], kita jangan nak kejar *landscape* [pemandangan] sebab kita bukan *landscape* [pemandangan], kita fokus kepada yang kita genre kita.

MA : Adakah encik mempunyai studio sendiri?

RA : Saya studio khusus itu *takdelah* [tiadalah], cuma saya *edit* [sunting] gambar dekat rumahlah sebab itulah masa untuk kita bersama *family* [keluarga] apa.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: SUMBANGAN

MA : Apakah sumbangan Encik kepada masyarakat dalam bidang fotografi?

